

Tr. P.U. 9.

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TRENGGANU
(BAB YANG PERTAMA)PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TRENGGANU
(PINDAAN), 1978

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Syarat (9A) Fasal 56 Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Trengganu (Bab Yang Pertama) maka Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Trengganu (Pindaan), 1978** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Mac, 1978.

Nama dan
mula berkuat-
kuasa.

2. Jadual kepada Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Trengganu Tahun 1968 adalah dipinda dengan menggantikan Jadual baru kepadanya seperti berikut:

Pindaan
kepada
Jadual
Tr. P.U.
12/1968.

JADUAL

LEMBAGA TATATERTIB UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI
BAHAGIAN I DAN II

Tr. P.U. 8/85
k.k. 1.12.85

Y. B. Setiausaha Kerajaan	Pengerusi
Y. B. Pegawai Kewangan Negeri	Ahli
Seorang pegawai dalam Bahagian I yang dilantik oleh Y. B. Setiausaha Kerajaan	Ahli

LEMBAGA TATATERTIB UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI
BAHAGIAN-BAHAGIAN III, IV DAN
KUMPULAN BURUH-BURUH PERUSAHAAN DAN BURUH-BURUH KASAR

Y. B. Setiausaha Kerajaan atau wakilnya	Pengerusi
Ketua Jabatan Negeri	Ahli
Ketua Jabatan Daerah	Ahli

Dengan syarat bahawa jika pegawai yang diambil tindakan itu bukan di bawah mana-mana Jabatan Daerah ataupun di dalam ketiadaan Ketua Jabatan Daerahnya bolehlah Setiausaha Kerajaan Negeri melantik mana-mana Pegawai Bahagian I atau II dalam Pejabat itu sebagai ahli.

Bertarikh pada 14hb. Mei, 1978.

[SUK. TR. 1140/13/4/Bhg. 2; PUN. TR. 70.]

SAAD BIN MUDA,
Setiausaha Majlis Mesyuarat,
Trengganu

LAWS OF THE CONSTITUTION OF TRENGGANU
(FIRST PART)TRENGGANU STATE PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARD
(AMENDMENT) REGULATIONS, 1978

IN exercise of the powers conferred by Clause (9A) of Article LVI of the Laws of the Constitution of Trengganu (First Part) the Ruler in Council hereby makes the following Regulations:

Citation and
Commence-
ment.

1. These Regulations may be cited as the **Trengganu State Public Service Disciplinary Board (Amendment) Regulations, 1978** and shall be deemed to have come into force on the 1st day of March, 1978.

Amendment
of Schedule
Tr. P.U.
12/1968.

2. The Schedule to the Trengganu State Public Service Disciplinary Board Regulations, 1968 is hereby amended by substituting a new Schedule thereof as follows:

SCHEDULE

DISCIPLINARY BOARD FOR
DIVISION I AND II OFFICERS

The Hon. State Secretary	<i>Chairman</i>
The Hon. State Financial Officer	<i>member</i>
An officer in Division I nominated by The Hon. State Secretary	<i>member</i>

DISCIPLINARY BOARD FOR
DIVISIONS III, IV AND
THE INDUSTRIAL AND MANUAL GROUP

The Hon. State Secretary or his representative	<i>Chairman</i>
State Head of Department	<i>member</i>
District Head of Department	<i>member</i>

Provided that if the officer proceeded against is not under any District Head or in the absence of any appropriate Head any Division I or Division II officer of the Department may be nominated by the State Secretary as a member.

Dated this 14th day of May, 1978.

[SUK. TR. 1140/13/4/Bhg. 2; PUN. TR. 70.]

SAAD BIN MUDA,
Clerk of Council, Trengganu

Tr. P.U. 10.

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU,
1360

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 11 (2)

En. Tr.
17/1360.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen kecil (2) bagi seksyen 11 kepada Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu, 1360 Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Mesyuarat dengan ini membuat Perintah seperti berikut:

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan sebagai **Perintah Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu (Pindaan kepada Jadual Yang Kedua) (No. 2) tahun 1978** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 2hb April, 1978.

Pindaan
kepada Jadual
Yang Kedua.

2. Jadual Yang Kedua kepada Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu, 1360 adalah dengan ini dipinda dengan menambahkan selepas sahaja di bawah perkataan-perkataan "Perwira Habib Bank Malaysia Berhad" dengan perkataan-perkataan yang berikut—

"United Malayan Banking Corporation Berhad"

Diperbuat pada 13hb Mei, 1978.

[SUK. TR. 1130/14/45; PTG. TR. 13/296; PUN. TR. 70.]

SAAD BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Trengganu